

SW PROBENECID TABLET

Probenecid (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SW Probenecid Tablet
2. Bagaimana SW Probenecid Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan SW Probenecid Tablet
4. Cara menggunakan SW Probenecid Tablet
5. Semasa menggunakan SW Probenecid Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SW Probenecid Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan SW Probenecid Tablet
ia digunakan untuk:

- merawat paras asid urik yang tinggi dalam badan, yang boleh menyebabkan gout (sakit sendi dan bengkak).
- digunakan bersama antibiotik tertentu untuk membantu ia berfungsi dengan lebih baik dan kekal lebih lama dalam badan, tanpa mengira cara pengambilan (melalui mulut atau suntikan).

Bagaimana SW Probenecid Tablet berfungsi

Ubat ini mengandungi probenecid yang tergolong dalam kumpulan ubat yang meningkatkan penyingkiran asid urik. Ia bertindak dengan membantu buah pinggang menyingkirkan lebihan asid urik melalui air kencing. Ia menghalang penyerapan semula asid urik, sekali gus menurunkan paras asid urik dalam darah dan mencegah serangan gout.

Sebelum menggunakan SW Probenecid Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap Probenecid atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam produk ini (disenaraikan dalam Maklumat Lanjut).
- anda mempunyai penyakit darah.
- anda mempunyai sejarah batu karang buah pinggang yang disebabkan oleh asid urik.
- anak anda berumur di bawah 2 tahun.

- Sebelum menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan SW Probenecid Tablet jika anda:

- mempunyai masalah buah pinggang, terutamanya jika anda juga sedang mengambil antibiotik penisilin, kerana ubat ini mungkin tidak sesuai untuk anda.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Jika anda hamil, doktor anda akan menentukan sama ada anda boleh mengambil ubat ini atau tidak. Ia hanya boleh digunakan jika diperlukan, kerana ia boleh memberi kesan kepada bayi anda semasa kehamilan.

Jika anda sedang menyusukan bayi, sila dapatkan nasihat dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini, kerana ia mungkin dirembeskan ke dalam susu ibu dan boleh memberi kesan kepada bayi anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil:

- Antibiotik (e.g. penisilin dan rifampin)
- *Salicylates* (e.g. aspirin)
- *Pyrazinamide* (ubat untuk tuberkulosis)
- *Sulfonamides* (antibiotik)
- *Sulfonylureas* (ubat untuk diabetes) boleh mempunyai kesan yang lebih kuat, meningkatkan risiko pengurangan gula dalam darah.
- *Indomethacin*, *naproxen*, *ketoprofen*, *meclofenamate* (ubat tahan sakit dan keradangan)
- *Acetaminophen* (ubat tahan sakit dan demam)
- *Lorazepam* (ubat untuk keresahan)
- *Methotrexate* (ubat untuk kanser atau penyakit autoimun)
- Ubat-ubatan lain yang mempunyai kesan antikolinergik

Cara menggunakan SW Probenecid Tablet

Ikut semua arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Diambil secara oral.

Untuk gout:

- Mulakan dengan setengah tablet (250 mg) dua kali sehari selama 1 minggu.
- Kemudian, tingkatkan kepada 1 tablet (500 mg) dua kali sehari.
- Doktor anda akan meningkatkan dos secara berperingkat jika perlu, tetapi jangan ambil lebih daripada 4 tablet (2000 mg) sehari.
- Minum air yang banyak semasa mengambil ubat ini.
- Doktor anda akan mengesyorkan anda mengambil ubat tertentu untuk menjadikan air kencing kurang berasid.
- Jika gout anda terkawal dengan baik selama 6 bulan atau lebih, doktor anda akan mengurangkan dos secara berperingkat.

Apabila diambil bersama penisilin (antibiotik):

- Dewasa: Biasanya 4 tablet (2000 mg) sehari, dibahagikan kepada dos yang lebih kecil.
- Kanak-kanak (2–14 tahun): Dos bergantung kepada berat badan dan akan ditentukan oleh doktor.

- Bila perlu digunakan

Ambil dua kali sehari atau ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan boleh menyebabkan sakit perut. Dalam kes yang serius, ia mungkin menjejaskan otak dan sistem saraf, menyebabkan sawan yang boleh membawa kepada kegagalan pernafasan serta kematian.

Semasa menggunakan SW Probenecid Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil SW Probenecid Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.
- Ambil SW Probenecid Tablet hanya dengan preskripsi doktor.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berikan SW Probenecid Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda berasa pening atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, SW Probenecid Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

- sakit kepala
- sakit perut, loya, muntah, atau hilang selera makan
- kerap membuang air kecil
- pening
- ruam kulit, gatal-gatal, atau reaksi alahan ringan
- kemerahan muka (*flushing*) atau demam
- anemia (kekurangan sel darah merah)
- reaksi alahan teruk (*anaphylaxis*, ruam teruk, atau *dermatitis*)
- Sindrom *Nephrotic* (penyakit buah pinggang)
- kerosakan hati
- anemia aplastik (gangguan darah yang serius)

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers*→ *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan SW Probenecid Tablet

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan pada suhu di bawah 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat, putih, rata dengan garisan pemisah pada satu sisi.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
- Probenecid
- Bahan tidak aktif
- Sodium Starch Glycolate
- Syloid 63
- Maize Starch
- Magnesium Stearate
- Lactose
- Aerosil 200
- Sodium Lauryl Sulphate
- PVP K90
- Isopropyl Alcohol
- Deionized Water

- Nombor MAL

MAL19870996AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4,
Taman Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

19/05/2026

Nombor Siri

NPRA(R4/1)140426/00017